

U 8846 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 8 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERJASAMA KE ARAH PERIMBANGAN KAUM DALAM BIDANG EKONOMI DI NEGARA INI HARUSLAH DILAKUKAN DENGAN JUJUR DAN IKHLAS SUPAYA PERSEFAHAMAN ANTARA KAUM DAPAT DIPERCEPATKAN.

PERSEFAHAMAN DAN FERPADUAN ANTARA KAUM AMATLAH PENTING DI MALAYSIA KERANA MASYARAKATNYA YANG BERBILANG KAUM TIDAK DAPAT MENGELAK DARIPADA HAKIKAT KEHIDUPAN DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI.

+ JIKA KAUM-KAUM DI NEGARA INI TIDAK BERSEFAHAMAN DAN BERHUBUNG RAPAT, MAKA, MASA KITA AKAN DIHABISKAN DENGAN BERSENGKETA SESAHA SENDIRI, SEDANG DUNIA LUAR BERKEMBANG MAJU DAN MARA JAUH KE HADAPAN KITA, + KATANYA KETIKA BERUCAP BAGI MERASMIKAN KHEMAH KERJA KEJIRANAN DI HUTAN LIPUR KANCING, TAMAN TEMPLER DEKAT SINI.

KHEMAH KERJA SELAMA LIMA HARI ITU DIANJURKAN OLEH JABATAN FERPADUAN NEGARA DAN DISERTAI OLEH 200 ORANG MUDA MUDI DARIPADA SEKTOR-SEKTOR RUKUN TETANGGA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ARUS PEMBANGUNAN BANGSA BERKEMBANG DAN BERGERAK DI ATAS LANDASAN-LANDASAN TERTENTU DAN BAGI NEGARA INI ADA EMPAT LANDASANNYA. -- LAGI.  
1328MST 08 12 87

D266

U 8849 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 2 KUALA LUMPUR

YANG PERTAMA DAN TERPENTING ANTARA LANDASAN ITU IALAH MUAFAKAT ANTARA KAUM MENJELANGNYA KEMERDEKAAN NEGARA, DI IKUTI OLEH PENGHAYATAN LATAR BELAKANG SEJARAH NEGARA INI SEMENJAK ZAMANDAHULU, PENGIKTIRAFAN PENJAJAH KE ATAS KETAMADUNAN SERTA PERADABAN ITU DAN YANG AKHIR SEKALI PENGUSAHAAN SERTA PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA RASMI TANPA MENYEKAT PENGGUNAAN BAHASA-BAHASA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN NEGARA DAPAT MENINGKAT DENGAN LEBIH PESAT JIKA RAKYAT BERBILANG KAUM MENYUSUNKAN LANGKAH DAN MENYATUKAN SEGALA KEKUATAN Masing-masing.

UNTUK INI, LANGKAH PERTAMA IALAH MENGENALI KAUM-KAUM YANG ADA BUKAN SETAKAT BERHUBUNG RAPAT TETAPI MENGETAHUI ADAT RESAM DAN PANTANG LARANG SATU SAMA LAIN SUPAYA SENSIVITI MEREKA DIKETAHUI.

+ SELEPAS ITU KITA HENDAKLAH SECARA SEDAR MENGELAK DARIPADA MEMBUAT ATAU MEMPERKATAKAN SESUATU YANG BOLEH MENYINGGUNG PERASAAN RAKAM KITA YANG BERLAINAN KETURUNAN DAN AGAMA, + KATANYA.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA SETIAP KAUM ADA KELEMAHANNYA PERLU ADA KERJASAMA ANTARA MEREKA BAGI MENGATASI KELEMAHAN ITU SECARA JUJUR DAN IKHLAS, BUKAN SECARA + MELEPASKAN BATUK DITANGGA KERANA ITU BUKANLAH CARANYA. + -- LAGI.

1334MST 08 12 87

D268

U 8850 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, YANG LEMAH DALAM RESAM PERLU DIBIMBINGOLEH KAUM YANG MENITIKBERATKAN ADAT RESAM DAN SEBALIKNYA YANG LEMAH DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN PERLU DIBIMBING OLEH YANG LEBIH BERJAYA. DALAM B IOANG ITU.

+PERKONGSIAN HENDAKLAH DIBUATDENGAN SEMUA PIHAKBERSAMA-SAMA MENANGGUNG BEBAN KERJA. PERBUATAN+WINDOW DRESSING+ ATAU MENJADIKAN USAHA KE ARAH PERIMBANGAN KAUM SEBAGAIHIASAN SAHAJA HENOAKLAH DIHAPUSKAN SAMA SEKALI.

+PERBUATAN SEPERTI MENGADAKAN PERNIAGAAN ALI-BABA YANG MANA ALL TIDUR, BABA BEKERJA, TIDAK AKAN MENOLONG MENERGATKAN PERHUBUNGAN KAUM,+ KATA BELIAU.

SELAGI ADAAMALANITU, ALI TIOAK OAPAT MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN BERGANTUNG KEPAOA BABA SELAMA-LAMANYA DANPERSEIMBANGAN ANTARA KAUM TIDAK AKAN TERCAPAI DAN PERASAAN CURIGA ANTARA KAUM AKAN KEKAL, KATADATUK SERI DR. MAHATHIR.

KATANYA UNSUR-UNSURSEBENARKONSEP PERPAOUAN NASIONAL MASIH BELUM OIFAHAMI OLEH RAMAI RAKYAT SEHINGGAMENIMBULKANBERBAGAI-BAGAI PERSEPSI TERHADAP KONSEPNYA YANG DIBUATOLEHGOLONGAN RAKYAT YANG BERBEZA-BEZAMELALUI PERSPEKTIF MASING-MASING. -- LAGI.

1338MST 08 12 87

D280

U 8855 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATASALAH PENGERTIAN INI PERLU DIPERBETULKAN TERUTAMA DIKALANGANGENERASI MUOA DAN BELIAU BERBANGGAJABATAN PERPADUAN NEGARA SEDANG BERUSAHA MENGURUSKAN PERKARA INITERMASUK MELALUI PROGRAMKHEMAH KERJA.

MEMYATAKAN OENGAN LEBIH LANJUT MENGENAI LANDASANPEMBANGUNAN BANGSA PERDANA MENTERI BERKATA, SEBELUM KEDATANGAN PENJAJAH, NEGARA INI SUDAH MEMPUNYAI TRMAOUN DAN PERAOABAN MELALUI SATUBENTUK PENTADBIRAN YANG TERSUSUN.

APARILA ORANGLUAR OATANG BERMASTAUTIN DISINI, MEREKA MENDAPATI PERLUUNTUK MENYESUAIKAN DIRI SERTA CARAHIDUP MEREKA KEPAOA SUASANA DAN HASYARAKAT YANG SUDAH WUJUD OI NEGARA INI.

KATANYA, PENJAJAH, KERANA MENGIKTIRAF HAKIKAT INITELAH MENGHORMATI ADAT RESAM, PANTANG LARANG, AGAMA, INSTITUSI BERAJA D A N RAKYAT NEGARA INI SEHINGGA FAKTOR-FAKTOR INI DIMAKTUBKAN DALAM PERLEMBAGAANPERSEKUTUAN, YANG DIGUBAL OENGAN BANTUAN NASIHAT PIHAK PENJAJAH JUGA. -- LAGI.

1420MST 08 12 a7

D281

UB856 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 5 KUALA LUMPUR

DALAM MUAFKAT ANTARA KAUM MENJELANG KEMERDEKAAN, BEBERAPA PERKARA YANG MENYENTUH FAKTOR-FAKTOR OI ATASDIBINCANGDAN DIPERSETUJUI MELALUI SEMANGATTOLAK-ANSUR, HORMAT-MENGHORMATI ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA DARI SEMUA KAUM PAOA MASA ITU, KATA BELIAU.

GENERASI MUDAKINI YANG MELALUI PROSES PEMASYARAKATAN OENGAN NILAI-NILAIASAS PERPAOUAN ITU, PERLU MENERANGKAN HAKIKAT INIKEPADA ANAK-ANAKMEREKA SUPAYA IA MENJADI KESINAMBUNGAN WARISAN DALAM MENJAMINSEBUAH NEGARA YANG TERUS AMAN, MAKMUR DAN SEJAHTERA, KATANYA. -- BERNAMA.

1421MST 08 12 87